



**PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT:
TEROWONG PEJALAN KAKI JALAN SUNGAI UJONG KINI
BERWAJAH BAHARU**

SEREMBAN, 23 Ogos 2024 – Terowong pejalan kaki di Jalan Sungai Ujong kini berwajah baharu bagi menambah baik kemudahan awam tersebut daripada segi kesalinghubungan bandar, pengalaman pengguna selain menjadi pentas bagi membina komuniti yang kreatif dan menyumbang kepada pembangunan berdaya huni bandar Seremban.

Inisiatif ini telah dijayakan di bawah Program Tanggungjawab Sosial Korporat Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dengan sentuhan kreatif oleh Think City Sdn. Bhd. (Think City) dan disokong penuh oleh Majlis Bandaraya Seremban (MBS), pihak operator, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan arkitek, Tetawowe Atelier.

Majlis Penyerahan dan Perasmian Wajah Baharu Terowong Pejalan Kaki Jalan Sungai Ujong ini telah disempurnakan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan. Turut hadir YB Datuk Haji Hasbi Haji Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan dan Datuk Bandar Seremban YBhg. Dato' Masri bin Hj Razali.

Turut hadir YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan yang juga Pengurus Lembaga Pengarah RAC,

YB Puan Nicole Tan Lee Koon Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sembilan, YB Tuan Cha Kee Chin Ahli Parlimen Rasah, Ketua Pegawai Eksekutif RAC YBhg. Dato' Azhar Ahmad Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Aset Keretapi, YBhg. Tuan Sadun bin Hj Abdullah Pegawai Operasi Wilayah Tengah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan YBhg. Dato' Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City.

YB Loke dalam ucapan berkata bagi memastikan projek ini berjaya mencapai matlamatnya, Think City telah melaksanakan kajian *placemaking* di Stesen Keretapi Seremban selaras dengan Program Peremajaan Kereta Api Warisan di bawah Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani antara Think City dan RAC pada Julai 2023.

Program Peremajaan Kereta Api Warisan ini bertujuan untuk meraikan warisan kereta api, memungkin pembangunan ekonomi berasaskan budaya dan seterusnya menyumbangkan kepada pembangunan mampan di bandar-bandar.

“Saya difahamkan hasil daripada kajian tersebut yang diadakan pada sekitar Oktober 2023 mendapati keadaan semasa laluan dan terowong pejalan kaki berkenaan tidak berada pada tahap yang baik dan memerlukan beberapa penampaikan.

“Kajian tersebut juga berpendapat kawasan terowong dan laluan pejalan kaki berkenaan mempunyai potensi untuk dihidupkan semula bagi menambah baik ketersambungan dengan memberikan keselesaan kepada pengguna, meningkatkan pengalaman pengguna melalui imej

yang ceria dan menarik selain menjadi pentas untuk membina komuniti kreatif hasil daripada intepretasi sejarah Seremban, arca *Railman* dan *Messenger*, perabot jalanan, penambahbaikan papan tanda tunjuk arah dan juga idea-idea yang kreatif”, katanya dalam ucapan perasmian.

Untuk makluman, struktur terowong pejalan kaki tersebut mula dibuka pada tahun 2008 dan dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Pembandaran Seremban ketika itu, YBhg. Datuk Abdulk Halim Abd Latif. Pembinaan terowong pejalan kaki bawah tanah ini dilihat sebagai pelengkap kepada kesinambungan rangkaian pengangkutan awam di antara mod pengangkutan bas dan pengangkutan kereta api. Walau bagaimanapun, keadaan struktur laluan bawah tanah tersebut semakin uzur selepas 15 tahun pengopersiannya.

Kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih ini telah mengetengahkan nilai-nilai warisan dan interaktif terutamanya pemasangan arca *Railman*, *Messenger* dan paip bunyi . Pemasangan seni awam ini dijangka akan dapat meningkatkan lagi pengalaman pengguna dan menjadi daya tarikan bandar Seremban.

Oleh itu, dengan adanya wajah baharu kemudahan ini, Loke berharap agar penduduk setempat dapat menjaga dan menggunakannya dengan baik.

“Amat mendukacitakan sekiranya kemudahan awam ini disalah guna dengan perbuatan vandalisme sebagaimana paparan berita baru-baru ini mengenai kejadian seumpama itu telah berlaku di Dataran Seremban,” katanya.

Beliau menegaskan kesan vandalisme adalah besar kerana ia bukan sahaja menyusahkan orang ramai tetapi juga menyebabkan Kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan untuk memperbaiki kemudahan yang rosak atau menggantikan dengan kemudahan yang baharu. Peruntukan yang besar itu sepatutnya boleh disalurkan bagi melaksanakan projek-projek lain yang bermanfaat untuk rakyat.

“Semoga usaha yang baik ini dapat diteruskan di lokasi-lokasi yang lain dan akan memberi impak yang signifikan kepada kemudahan awam. Kemudahan awam adalah tanggungjawab kita bersama”, katanya.

Sejak penubuhannya 15 tahun lalu, Think City giat melaksanakan pembangunan berdasarkan budaya yang selaras dengan peningkatan berdaya huni sesebuah bandar dengan memanfaatkan aset-aset warisan serta infrastruktur bandar yang lain seperti laluan atau koridor kesalinghubungan dan aksesibiliti dengan menyuntik kandungan kreatif.

Usaha ini telah didemonstrasikan dengan berjaya melalui program *Arts on the Move* di stesen MRT Pasar Seni yang dilaksanakan melalui kerjasama MRT Corp dan Kementerian Pengangkutan. Program ini telah menerima sambutan yang baik antara golongan penumpang dan telah memeriahkan lagi suasana stesen hab pengangkutan tersebut dengan karya seni dan persembahan-persembahan budaya.

“Pembangunan Bandaraya Seremban tidak dapat dipisahkan daripada peranan penting infrastruktur kereta api yang menghubungkan bandar ini dengan ibu kota serta bandar-bandar lain di Semenanjung Malaysia. Dalam usaha meningkatkan aksesibiliti dan daya tarikan, Program *Placemaking* di

Terowong Jalan Sungai Ujong merupakan salah satu inisiatif strategik untuk mempertingkatkan pintu masuk utama ke bandaraya Seremban.

Melalui kerjasama erat antara RAC, MBS, KTMB dan Think City terowong pejalan kaki ini, yang direka dengan konsep koc kereta api, bukan sahaja mencerminkan warisan sejarah setempat, malah berfungsi sebagai platform interaktif untuk masyarakat memahami dan menghargai warisan Seremban. Inisiatif ini juga bertujuan untuk menceriakan dan memperkayakan pengalaman perjalanan di Bandaraya Seremban, sekaligus menyumbang kepada identiti dan kelestarian bandar ini”, kata YBhg. Dato’ Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City.

Sekian, terima kasih.

- TAMAT -

PERBADANAN ASET KERETAPI

23 OGOS 2024

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletakhak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

Tentang Think City

Think City adalah sebuah organisasi impak yang ditubuhkan pada tahun 2009 untuk mencipta tempat-tempat yang lebih mampan dan inklusif bagi semua lapisan masyarakat. Pengetahuan, kemahiran, dan strategi kami memberi tumpuan kepada penyelesaian bandar, alam sekitar, komuniti sosial, dan ekonomi budaya. Think City ialah anak syarikat penuh milik Khazanah Nasional Berhad (dana kekayaan kedaulatan Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, layari thinkcity.com.my.

Pertanyaan Media:

Unit Hal Ehwal Korporat

Perbadanan Aset Keretapi

Pegawai Perhubungan Awam:

Puan Ane Salfarizan Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

012-659 4256

Umum:

No Tel: 603-8939 0200

No Faks: 603-8939 022

Bahagian Penjenaman dan Komunikasi

Think City

Eksekutif Kanan:

Encik Nisshanthan Dhanapalan

Emel: nisshanthan.dhana@thinkcity.com.my

011-5426 9602 (WhatsApp)